



PENYATAAN POLISI UNTUK ALKOHOL/UBAT-UBATAN TANPA PRESKRIPSI

Semua pekerja dilarang daripada mengambil, memiliki, atau berada di bawah pengaruh alkohol dan/atau ubat-ubatan tanpa preskripsi di tapak kerja/premis pejabat SSTCM atau milik klien, kecuali ubat-ubatan tersebut telah dipreskripsi bagi tujuan perubatan oleh pegawai perubatan yang dibenarkan untuk orang itu mengambil atau memiliki ubat-ubatan itu. Polisi ini juga hendaklah terpakai kepada semua pekerja kontraktor SSTCM dan hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak mereka.

Seseorang pekerja yang mengambil ubat preskripsi untuk perubatan peribadi pada kadar yang kerap atau semasa kecemasan yang diberikan oleh pegawai perubatan yang dibenarkan, wajib memaklumkan perkara itu dengan kadar segera kepada penyeliaanya.

Sebagai sebahagian daripada terma dan syarat pekerjaan, SSTCM dan kliennya berhak untuk membuat carian ke atas orang itu, barangan, kenderaan atau harta lain orang itu semasa berada di premis yang dimiliki atau dikawal oleh SSTCM atau pihak klien. Tambahan lagi, SSTCM dan kliennya berhak untuk menjalankan ujian alkohol dan dadah ke atas pekerja sebelum memulakan pekerjaan serta menjalankan ujian dadah dan alkohol secara berkala atau rawak. Mana-mana orang yang enggan bekerjasama akan ditamatkan perkhidmatannya. Apa-apa keputusan positif daripada mana-mana tindakan yang dilakukan seperti yang dinyatakan di atas, hendaklah diambil serius dan pekerja yang berkenaan hendaklah digantung daripada kerjanya. Satu siasatan menyeluruh akan dijalankan sebelum menentukan apa-apa Tindakan Disiplin yang akan diambil.

Mana-mana orang yang melapor diri untuk kerja dan berada di bawah pengaruh alkohol atau ubat-ubatan tanpa preskripsi tidak akan dibenarkan memasuki mana-mana tapak kerja/premis pejabat SSTCM. Tindakan disiplin akan diambil ke atas mana-mana orang yang didapati berada di dalam situasi di atas.

Dalam kes sekiranya seseorang pekerja didapati memiliki ubat-ubatan tanpa preskripsi, maka Pegawai Keselamatan bertanggungjawab melaporkan perkara tersebut kepada Pengurusan SSTCM. Sekiranya ubat-ubatan itu termasuk dalam kategori ubat terkawal di bawah Jadual I dan II Akta Bahan Terkawal 1970, maka menjadi kewajipan Pengurusan SSTCM dan Pegawai Keselamatan untuk membuat satu laporan di Balai Polis yang berhampiran.

Takrif

Ubat-ubatan tanpa preskripsi

Ubat-ubatan yang tidak mempunyai kelulusan untuk penggunaan perubatan, dan mempunyai potensi penyalahgunaan, seperti, heroin, morfin, kokaina, candu, LSD. Rujuk kepada bahan dalam Jadual I dan II Akta Bahan Terkawal 1970.

Pegawai Perubatan yang dibenarkan

Doktor Panel Syarikat atau Pengamal Perubatan Berdaftar.